



Pengenalan

TAK KENAL MAKA TAK CINTA

Kompleks Mahkamah Muar adalah sebuah bangunan empat tingkat yang didirikan di Jalan Temenggong Ahmad, Muar, Johor. Lokasi ini amat strategik kerana kedudukannya terletak di jalan utama yang menghubungkan dua daerah iaitu Muar dan Batu Pahat dan hanya lebih kurang 2.5 km dari Pusat Bandar Muar. Kompleks Mahkamah Muar merupakan salah satu daripada mercu tanda kebanggaan Bandar Maharani Muar.


Kompleks Mahkamah Muar menempatkan 10 buah bilik bicara yang terdiri daripada lima Mahkamah Majistret, tiga Mahkamah Sesyen dan dua Mahkamah Tinggi. Semua kemudahan ini disediakan bagi memastikan Mahkamah dapat beroperasi dengan lebih lancar dan cekap. Kompleks Mahkamah Muar juga berazam dan berusaha memastikan bahawa hanya perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti tinggi diberikan kepada pihak yang berurusan dengan Mahkamah. Semua ini pastinya akan meningkatkan reputasi badan pentadbiran kehakiman di Malaysia.

Kejayaan pembinaan kompleks yang gagah ini adalah tercetus daripada kerjasama erat semua pihak terutamanya pihak Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) selaku pihak pelanggan, Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku badan pelaksana dan tidak lupa juga Kerajaan Negeri Johor yang telah mengurniakan tanah.

Sebagai memperingati hari yang bersejarah ini, buat pertama kalinya, sebuah buku berkaitan Kompleks Mahkamah Muar diterbitkan. Penerbitan buku edisi khas penulisan bergambar ini adalah bersempena Perasmian Kompleks Mahkamah Muar oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Paling istimewa, buku ini juga merupakan buku yang pertama diterbitkan berkenaan bangunan Mahkamah di dalam negeri Johor.

Menerusi penerbitan buku ini, kita akan dapat mengimbas kembali sejarah Mahkamah Muar yang telah wujud sejak tahun 1885. Mahkamah Muar telah ditempatkan di beberapa lokasi di sekitar daerah Muar. Kita juga berpeluang menghayati dan menyaksikan sendiri transformasi Mahkamah Muar dengan kewujudan Kompleks Mahkamah Muar.

Pemandangan dari udara bandar Muar, 2017. Bertanda merah adalah bangunan Mahkamah Muar lama di Jalan Peteri



Kita dihidangkan dengan gambar-gambar senibina dan kemudahan mahkamah seperti bilik bicara, bilik mesyuarat, perpustakaan dan landskap. Apa yang lebih menarik, melalui buku ini, kamar Yang Arif Hakim yang sangat privasi juga dipaparkan dengan lebih dekat dan lebih eksklusif.

Akhir sekali, penerbitan buku ini tidak akan terhasil tanpa dedikasi dan kerjasama daripada Jawatankuasa

Induk Perasmian Mahkamah Muar, terutamanya Jawatankuasa Cenderahati dan Jawatankuasa Pameran dan Audio Visual. Tidak dilupakan tunjuk ajar dan komitmen yang diberikan oleh Puan Sabariah binti Atan, Pengarah Mahkamah Negeri Johor, yang begitu teruja untuk merealisasikan penerbitan buku ini. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada setiap pihak mahupun individu yang bertungkus-lumus menghasilkan buku penuh memori ini.



SEJARAH MEMBENTUK KITA HARI INI

Sejarah Awal Penubuhan Sistem Kehakiman Muar

Pada tahun 1886, sebuah bangunan mahkamah telah didirikan di Bandar Muar. Haji Ibrahim Loyar adalah Hakim pertama yang ditempatkan di bangunan mahkamah tersebut. Pada tahun 1888, berikutan kemasukan buruh-buruh dari India, kerajaan telah mengambil Tambi Sabr Ali sebagai Jurubahasa Tamil di mahkamah. Kitab-kitab Hukum Syarak dipercayai telah digunakan sebagai panduan Hakim. Ini diyakini berikutan Undang-undang Keadilan Johor berteraskan Hukum-hukum Islam seperti Kitab Perhimpunan Hukum-hukum Syarak al-Islam.

Selaras dengan Islam sebagai agama rasmi negeri, Hakim Besar ketika itu ialah Mufti Johor, Datuk Haji Abdullah Musa. Semasa pemerintahan Sultan Ibrahim, Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah yang diterbitkan oleh Kerajaan Uthmaniyyah Turki pada kurun ke-19 telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Kod tersebut lebih dikenali sebagai Majalah Ahkam Johor dan dijadikan panduan rasmi bagi hukum syara' di Johor pada tahun 1913.

Sehingga tahun 1913, sistem kehakiman di Johor dikendalikan oleh pegawai bumiputera. Pegawai Inggeris, khususnya Penasihat Undang-undang diwartakan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi dan membicarakan hal kes yang melibatkan orang Eropah sahaja. Semua perbicaraan dikendalikan oleh Majistret-majistret Melayu dengan menggunakan undang-undang British. Mereka semua tertakluk di bawah pengawasan dan nasihat para pegawai Inggeris.

Tapak Mahkamah yang pertama di Muar ialah berhampiran padang hoki dan berhadapan dengan Bangunan Kerajaan Muar. Walau bagaimanapun, pada tahun 1926, disebabkan lokasi sedia ada tidak lagi sesuai untuk sebuah mahkamah, Kerajaan Negeri Johor telah memindahkan Mahkamah Keadilan Muar ke Lot 3376 (No. Warta 710/31.8.1950) di Bandar Maharani Muar. Pada Disember 1928, sebuah mahkamah baru Muar telah dibuka secara rasmi dengan peruntukan sebanyak \$ 113,270.00.



Pada tahun 1991, Mahkamah Sesyen ditambah di bangunan Mahkamah Muar Jalan Peteri



Bangunan Mahkamah Muar ini merupakan bangunan dua tingkat yang menempatkan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Reka bentuk dan seni bina bangunan ini banyak dipengaruhi oleh elemen Inggeris dan kolonial. Selain menempatkan bilik bicara, bangunan ini juga menempatkan kamar hakim dan majistret, pejabat pentadbiran, pejabat pendaftar, perpustakaan, ruang lobi, ruang rehat, bilik mesyuarat, bilik perbincangan dan juga bilik sembahyang.

Hakim pertama yang ditugaskan di mahkamah ini ialah Mr. Justice Ready, Hakim *Puisse* dari Negeri-negeri Selat manakala Timbalan Pendakwa Raya ialah Mr. R Moor daripada Perkhidmatan Awam Tanah Melayu. Tugas Penolong Pendaftar di setiap daerah dipertanggungjawabkan kepada Encik Awang Bin Omar manakala Pegawai Tadbir Negeri yang paling kanan menyandang jawatan majistret. Keadaan ini berterusan sehinggalah negara mencapai kemerdekaan.



Mahkamah Majistret Tangkak yang baru dan mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Mei 2010

Selepas negara merdeka, bangunan ini masih kekal menempatkan Mahkamah Muar. Ketua Hakim Negara YAA Tun Md Raus Bin Sharif adalah antara hakim yang pernah berkhidmat di sini, begitu juga dengan bekas Ketua Hakim Negara YAA Tun Mohd Eusoff Bin Chin.

Pada tahun 1991, satu Mahkamah Sesyen ditambah di bangunan Mahkamah Muar Jalan Peteri. Berikutan penambahan ini, Mahkamah Majistret Muar telah dipindahkan ke sebuah rumah banglo di No. 232, Jalan Temenggong Ahmad yang berkeluasan 3850 kaki persegi. Pada tahun 1992, banglo tersebut telah disewakan kepada Kementerian Kehakiman Malaysia untuk menempatkan Mahkamah Majistret Tangkak. Bangunan Mahkamah Majistret Tangkak pada ketika itu telah mengalami kerosakan yang teruk.

Kementerian Kehakiman Malaysia telah menyewa banglo di Jalan Temenggong Ahmad dengan kadar sewa RM3,300.00 sebulan untuk dijadikan Mahkamah Majistret Muar/Tangkak. Banglo dua tingkat tersebut telah diubahsuai untuk menempatkan dua bilik bicara, dua kamar majistret, kaunter pendaftaran, bilik fail, bilik polis, lokap dan juga ruang pentadbiran. Pada tahun 2010, banglo ini tidak lagi menjadi lokasi Mahkamah Majistret apabila Kompleks Mahkamah Muar siap dibina dan beroperasi sepenuhnya.

*Banglo dua tingkat ini telah diubah suai untuk dijadikan
Mahkamah Majistret Muar/ Tangkak pada tahun 1992*





PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS MAHKAMAH MUAR

Cadangan projek bangunan mahkamah baru Muar telah dikemukakan sejak Rancangan Malaysia Kelima iaitu pada tahun 1988. Berikutan itu, proses pengambilan balik tanah telah dibuat oleh Kerajaan Negeri daripada pemilik asalnya melalui Perbicaraan Pengambilan (No PTM (PBT) 8/89). Pengisytiharan Pengambilan yang dicadangkan telah diwartakan pada 26 Oktober 1989 bagi maksud pembinaan Mahkamah Rendah Baru, Muar, Johor. Pengambilan balik tanah ini secara rasminya didaftarkan pada 14 April 1990 melalui Pemberitahuan bahawa tanah telah diambil balik di bawah Seksyen 22 Akta Pengambilan Tanah 1960 dan dikenali sebagai Lot 3017 Mukim Bandar Muar, Johor.

Walaupun pengambilan balik tanah untuk tujuan pembinaan bangunan mahkamah baru Muar telah didaftarkan pada tahun 1990, namun pelaksanaan projek pembinaan mahkamah baru Muar hanya diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 hingga 2010).

Pada 9 Januari 2008, Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor telah bersetuju bahawa tanah Lot 3017 seluas 4.219 ekar, Mukim Bandar Daerah Muar dikurniakan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk tapak bangunan mahkamah baru Muar. Setelah kelulusan diperoleh, projek ini telah diberi milik tapak kepada KBE Construction pada 17 Januari 2008 untuk tujuan pelaksanaan pembinaan mahkamah baru Muar.

Kelulusan bagi pelan bangunan mahkamah baru Muar ini telah diperoleh pada 30 April 2008. Kontraktor reka dan bina yang dilantik untuk menyempurnakan projek ini adalah KBE Construction Sdn. Bhd. dibantu oleh perunding-perunding yang bertauliah terdiri daripada arkitek, jurutera awam, jurutera elektrik dan mekanikal, juruukur bahan, perunding kuasa tenaga, arkitek landskap serta jururancang bandar.

Projek ini direka bentuk sepenuhnya oleh perunding dan diawasi pembinaannya oleh kakitangan tapak perunding terlibat. Projek ini juga dikawal selia oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya Cawangan Kerja Bangunan Am, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Kuala Lumpur.

Mahkamah baru Muar kini dikenali dengan nama Kompleks Mahkamah Muar. Pembinaan ini telah siap sepenuhnya pada 24 Mei 2010.



Lakaran artis di peringkat awal rekabentuk Kompleks Mahkamah Muar



Mac 2008



Ogos 2008



Disember 2008



Februari 2009



April 2009



Julai 2009



September 2009



Mac 2010



Penyampaian replika kunci simbolik kepada penyerahan Kompleks Mahkamah Muar kepada Mahkamah Persekutuan

Pada 3 Jun 2010, Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kompleks Mahkamah Muar yang baru kepada Mahkamah Persekutuan. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Dato' Abdullah Sani bin Ab. Hamid, Ketua Pengarah Bahagian

Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan Tuan Hashim bin Hamzah, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bersama-sama Datin Ir. Azizah Osman, Pengarah Cawangan Kerja Bangunan Am, Jabatan Kerja Raya Malaysia.



Sekitar lawatan YB Datuk Liew Vui Keong ke Kompleks Mahkamah Muar sempena Majlis Penyerahan Kompleks Mahkamah Muar pada 3 Jun 2010